



SIARAN MEDIA

KPWKM HARGAI MAJIKAN MENGAJIKAN PEKERJA GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

PULAU PINANG, 27 Mei 2024 : Hari ini, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengadakan lawatan kerja ke Flextronics Sdn Bhd (Penang) bagi menyampaikan penghargaan daripada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) atas penglibatan syarikat dalam pengambilan pekerja golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Berdasarkan statistik yang direkodkan sehingga 30 April 2024, jumlah keseluruhan OKU yang aktif adalah seramai **703,287 orang** manakala OKU yang layak bekerja adalah seramai **372,164 orang**. Namun begitu, sasaran Dasar 1% yang ditetapkan Kerajaan sejak tahun 2010 golongan OKU bekerja masih belum dapat dipenuhi secara efektif. Justeru itu, Kerajaan amat memerlukan sokongan daripada pelbagai pihak bagi merealisasikan dasar, polisi dan inisiatif dalam memperkasa golongan OKU.

KPWKM amat menghargai inisiatif Flextronics Sdn Bhd (Penang) yang menyahut saranan Kerajaan menggajikan pekerja dalam kalangan OKU. Bilangan OKU yang digajikan oleh syarikat ini turut meningkat dari **81 orang** pada tahun 2022 kepada **136 orang** pada tahun 2024 terdiri daripada OKU kategori pendengaran, pembelajaran, dan pelbagai / lain-

lain. Jumlah terkini pekerja **OKU di Flextronics Sdn Bhd (Penang)** telah mencapai **1% Dasar Penggajian OKU** iaitu sebanyak **1.4%**.

Kerajaan menyediakan pelbagai insentif kepada majikan bagi menggalakkan penggajian OKU bekerja. Ini termasuk:

- i. Potongan Berganda iaitu Potongan bagi Menggaji OKU dan Potongan Bagi Cukai Latihan yang diluluskan;
- ii. Potongan Berganda (Double Deduction) P.U.(A) 61/1992 Cukai pendapatan (Potongan bagi Latihan Yang Diluluskan) dan P.U.(A) 111 Cukai Pendapatan (Potongan bagi Latihan Yang Diluluskan) (Perubahan)UndangUndang 1995; dan
- iii. Potongan Tunggal / Khas iaitu pengubahsuaian bangunan atau keperluan alat sokongan OKU. Potongan Tunggal (Single Deduction)-Sub-Sek 34(6)(e) ITA 1967.

Selain itu, KPWKM melalui JKM khususnya dibawah perkhidmatan Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) turut menyediakan Perkhidmatan **Job Coach** berbentuk sokongan secara *one to one* dengan pekerja OKU dalam tempoh sekurang-kurangnya 3 hingga 6 bulan mengikut tahap keupayaan OKU. Perkhidmatan *Job Coach* ini merupakan **Project of Capacity Building on Social Welfare Services for Persons With Disabilities** dan **Project to Support Participation of Persons with Disabilities Phase 1 and 2** dengan Japan International Cooperation Agensi (JICA). Sehingga 2023, seramai 1,668 orang OKU telah mendapat pekerjaan melalui perkhidmatan *Job Coach*.

Adalah menjadi harapan YB Menteri dan KPWKM agar inisiatif ini menjadi penanda aras kepada syarikat dan majikan lain dalam meningkatkan kesedaran majikan terhadap golongan OKU terutamanya dari segi hak, peluang, dan akses yang sama dalam masyarakat agar mereka tidak

merasa tersisih dan dapat turut menyumbang kepada pembangunan negara.

Disediakan oleh,

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

27 MEI 2024